

Headline	FRIM, WWF-Malaysia pulihara biodiversiti hutan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	206 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,618
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,855



## FRIM, WWF-Malaysia pulihara biodiversiti hutan

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan World Wide Fund for Nature-Malaysia (WWF-Malaysia) memeterai perjanjian persefahaman (MOU) dalam memastikan pemuliharaan kepelbagaian biologi (biodiversiti) dan penggunaan sumber hutan secara mampan.

Perjanjian ditandatangani pada 21 Mac lalu itu berhasrat mengukuhkan kerjasama antara kedua-dua organisasi dalam pemuliharaan biodiversiti yang merangkumi perkongsian data, kepakaran dan pengetahuan mengenai sumber berkaitan dengan usaha pemuliharaan hutan, pengurusan spesies terancam, perubahan penggunaan tanah secara mampan, pengurusan kawasan terlindung, pemuliharaan air tawar dan ekopelancongan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif merangkap Ketua Pegawai Eksekutif WWF-Malaysia, Datuk Dr Dionysius Sharma berkata, pihaknya berharap untuk belajar daripada kepakaran FRIM dalam pelbagai bidang pemuliharaan biodiversiti dan pengurusan hutan mampan yang memang kelebihan FRIM.

FRIM mempunyai sejarah lebih daripada 100 tahun sebagai institusi penyelidikan hutan tropika

yang terkenal di Malaysia dan dunia manakala WWF-Malaysia juga telah beroperasi di negara ini sejak 1972.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, biodiversiti hutan dan sumber asli adalah aset negara yang diamanahkan kepada rakyat negara ini.

Oleh itu katanya, rakyat mesti melaksanakan tanggungjawab ini dengan bersungguh bagi memastikan sumber ini diuruskan dengan baik dan penuh kesedaran akan kepentingannya supaya generasi masa akan datang dapat terus mewarisi serta mendapat manfaat khazanah ini.

"FRIM akan terus bekerja keras untuk menyokong agenda kebangsaan berkenaan pemuliharaan dan penggunaan sumber hutan secara mampan. FRIM juga bersedia mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan swasta yang mempunyai matlamat yang sama."

Dr Abd Latif menandatangani MoU bagi pihak Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) manakala Dr Sharma mewakili WWF-Malaysia.

Headline	FRIM, WWF-Malaysia pulihara biodiversiti hutan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	22	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	206 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,618
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,855



Dr Abd Latif (kiri) dan Dr Sharma berjabat tangan selepas menandatangani MoU.